

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Kuarantin diri sendiri jika berasa tidak sihat'

KKM bimbang masih ada aktiviti pergerakan tak dibenarkan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) melahirkkan kebimbangan ketidakpatuhan masyarakat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpotensi meningkatkan lagi penularan jangkitan COVID-19 di negara ini.

KKM mendapati ketika PKP berkuat kuasa, masih ada aktiviti pergerakan tidak dibenarkan serta kunjung-mengunjung ke rumah saudara-mara, termasuk dalam kalangan mereka yang tidak sihat yang sepatutnya menjalani kuarantin kendiri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, mendedahkan kes kematiian ke-64, mangsa bersama beberapa orang lain, dikesan meneruskan perjalanan ke luar kawasan membabitkan dua negeri, walaupun PKP berkuat kuasa sejak 18 Mac lalu.

"KKM memandang serius tahap kepatuhan rakyat Malaysia kepada nasihat yang dikeluarkan. Setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing secara bertanggungjawab.

"Pematuhan kepada ketetapan



Dr Noor Hisham Abdullah bercakap pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Kementerian Kesihatan di Putrajaya. (Foto BERNAMA)

ini adalah amat penting bagi mengelak dari berlakunya penularan jangkitan yang meluas dalam kalangan masyarakat.

"Didapati kenderaan di jalan raya juga makin meningkat. KKM kuarantir ketidakpatuhan masyarakat ini akan meningkatkan lagi penularan jangkitan COVID-19," katanya ketika sidang media harian di sini, semalam.

Kematian ke-64 membabitkan pesakit COVID-19 daripada kes 2,903 iaitu wanita tempatan berusia 58 tahun dengan latar be-

lakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Mangsa dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan sejak 30 Mac lalu sebelum di-sahsikan meninggal dunia pada jam 3.20 petang kelmarin.

Berbaki tempoh kurang seminggu sebelum PKP fasa kedua berakhir pada 14 April ini, Dr Noor Hisham menasihatkan orang ramai supaya duduk di rumah sambil mengamalkan beberapa amalan penjagaan kesihatan bagi mengelak penula-

KKM memandang serius tahap kepatuhan rakyat Malaysia kepada nasihat yang dikeluarkan. Setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing secara bertanggungjawab.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

ran COVID-19.

Beliau berkata, orang ramai wajar mengekalkan tahap kebersihan yang optimum setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun.

"Selain itu, jarak sosial sekurang-kurangnya satu meter dari orang lain, harus ditekalkan.

"Kementerian akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperoleh dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa," katanya.

Jumlah pesakit pulih melebihi rekod kes baharu

Kuala Lumpur: Kes COVID-19 di negara ini, terus menunjukkan perkembangan positif apabila jumlah pesakit pulih daripada jangkitan itu semalam, melebihi rekod kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 166 kes dilaporkan bebas jangkitan COVID-19 dan dibenarkan pulang, se kali gus menjadikan individu pulih wabak itu kini ialah 1,487 orang atau 36.1 peratus.

Secara perbandingan, katanya, sebanyak 156 kes baharu dilaporkan setakat jam 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia adalah 4,119 orang.

"Ini bermakna, bilangan kes dibenarkan keluar wad hari ini (semalam) juga melebihi laporan kes baharu.

"Sehingga kini, seramai 76 kes positif COVID-19 ditempatkan dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita dimaklumkan, pertambahan dua kes kematiian berkaitan COVID-19, se kali gus jumlah korban kini 65 orang atau 1.58 peratus," katanya.



Anggota polis memeriksa suhu badan pengguna jalan raya bagi mencegah penularan wabak Covid-19 separang Perintah Kawalan Pergerakan di sekitar Kuala Lumpur. (Foto Fathil Asri/BH)

KKM kemuka cadangan pilihan PKP kepada Kabinet

Putrajaya: "Walaupun belum mampu mengelakkan penularan COVID-19, kita tidak boleh menyerah," kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya juga tidak melihat peningkatan mendadak dalam penularan kes positif COVID-19 di negara ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengemukakan cadangan kepada Kabinet, mengenai beberapa pilihan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berjalan sehingga 14 April ini.

"KKM memantau rapat peningkatan kes positif dan penyebaran di daerah setiap hari. Kita ber-

sandar kepada fakta dan sains, bukan bergantung kepada pendapat saya. Kita sedang merangka modul baharu dalam menjangkakan wabak ini.

"Laporan kita lihat, tetapi kita perlu sehari dua untuk analisa semua data. KKM akan keluarkan cadangan dan beberapa pilihan yang ada tetapi keputusan bergantung kepada Kabinet dan Perdana Menteri," katanya ketika diminta memberi pandangan berhubung status PKP yang dijadualkan sehingga 14 April ini.

Ditanya sama ada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kluang, Johor, akan dilanjutkan, Dr Noor Hisham ber-

kata, pihaknya gembira dengan perkembangan terkini di lokasi itu.

Katanya, empat kes positif baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kini mencapai 134 kes di kawasan itu.

"Bandar Baru Dato' Ibrahim Majid ada 137 kes dengan pertambahan empat kes. Pecahan ikut mukim di Ulu Benut sebanyak 151, Kluang (14), Macap (empat), dan satu kes di Nyior.

"Kita lihat daripada segi pelaksanaan PKPD di Kluang adalah menggalakkan dan mencapai matlamat. Kita dapat hasil yang positif dalam melaksanakan PKPD di Kluang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Tiada petugas barisan hadapan KKM terkena jangkitan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan menegaskan, tiada petugas barisan hadapannya terkena jangkitan ketika berkhidmat dalam wad atau Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital yang merawat COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua kakitanganya mengamalkan langkah pencegahan dan memakai alat pelindung diri (PPE) ketika bertugas.

"Apabila melihat barisan hadapan KKM yang dijangkiti, 181 orang dan dua kematian. Kematian direkodkan ini mempunyai sejarah perjalanan ke Turki dan Indonesia, tidak berkaitan dengan jangkitan ketika bekerja,"

"Daripada 181 itu, 67 peratus iaitu 122 orang dijangkiti di luar kawasan hospital, contohnya menghadiri majlis perkahwinan dan sebagainya, kemudian datang ke hospital hingga ada yang menjangkiti rakan lain," kata-naya.

Dr Noor Hisham berkata demikian bagi menjawab dakwaan seorang doktor hospital swasta bahawa KKM gagal melindungi barisan hadapan perubatan sehingga menyaksikan kira-kira 30 kakitangan perubatan dilaporkan dijangkiti virus itu ketika bertugas.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jangkitan membabitkan petugas kesihatan bermula di hospital swasta dan susulan itu, KKM mengadakan dua mesyuarat bersama hospital serta klinik swasta pada 1 dan 12 Mac bagi meningkatkan langkah pencegahan untuk mengelak jangkitan.


Katanya, siasatan menunjukkan 36 petugas kesihatan mendapat jangkitan COVID-19 daripada pesakit yang tidak memaklumkan perkara sebenar mengenai hubungan rapat mereka dengan individu berisiko tinggi.

Apabila melihat barisan hadapan KKM yang dijangkiti, 181 orang dan dua kematian. Kematian direkodkan ini ada sejarah perjalanan ke Turki serta Indonesia, tidak berkaitan dengan jangkitan ketika bekerja.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Penularan COVID-19

Subkluster Seri Petaling di daerah Rembau



Subkluster Rembau punca daripada jemaah tabligh



Antara jemaah tabligh Masjid Seri Petaling yang menjalani saringan COVID-19 pada 5 April lalu.

27 dikesan positif COVID-19 termasuk dua mangsa di ICU

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengesahkan subkluster penularan COVID-19 di Rembau, Negeri Sembilan, berpuncanya daripada jemaah tabligh yang menghadiri perhimpunan di Masjid Seri Petaling.

Pemeriksaan mendapati klus-

ter itu, membabitkan kakitangan sebuah sekolah sebelum membuat di beberapa lokality dalam daerah berkenaan iaitu Pedas, Pilin, Kundur dan Batu Hampar.

Ketika mendedahkan penemuan subkluster itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata seramai 27 orang dikesan positif COVID-19 termasuk dua mangsa kini dalam Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Klusster ini dikesan apabila keputusan ujian COVID-19 adalah positif bagi beberapa guru Sekolah Menengah Kebangsaan



(SMK) Pedas dan penularan ini dipercayai berpuncanya daripada satu mesyuarat diadakan di situ.

"Mesyuarat itu didapati dihadiri kes indeks, iaitu kes 448, yang juga antara peserta perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Sri Petaling," katanya pada sidang media harian COVID-19, di Putrajaya, semalam.

Memperincikan mekanisme penularan, Dr Noor Hisham berkata, guru dan kakitangan sekolah yang dijangkiti itu, seterusnya menyebabkan penyebaran virus berkenaan dalam kalangan ahli keluarga dan pen-

duduk kampung mereka.

"Sehingga kini ada tiga generasi jangkitan. Siasatan juga mendapati wujud aktiviti saling berkunjung ke rumah saudara untuk melawat ahli keluarga yang tidak sihat, walaupun negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Sebelum ini, KKM mengesahkan empat kluster penularan wabak COVID-19 iaitu Kluster Tabligh Seri Petaling (1,682 kes); Kluster Gereja Kuching (110 kes); Kluster Bandar Baru Bangi (94 kes) dan Kluster Itali (41 kes).

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Menteri Kesihatan ASEAN tingkat tahap kesiapsiagaan

Perbincangan menerusi sidang video turut babit wakil Jepun, Korea, China

Kuala Lumpur: Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN kelmarin bertukar pandangan mengenai kerjasama bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan menangani penularan COVID-19.

Perbincangan itu yang disertai Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba turut membabitkan wakil dari Jepun, Korea dan China dibuat menerusi sesi persidangan video.

Dr Adham berkata, persidangan itu membolehkan pemimpin berkaitan memaklumkan situasi semasa di negara masing-masing, selain langkah perludiajibat bagi mengawal wabak itu.

"Sesi ini dikendalikan secara bersama oleh wakil dari Indonesia dan Jepun."

"Turut hadir bersama saya ketika persidangan itu ialah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), Dr Hishamshah Mohd Ibrahim; dan Pengarah Kawalan Penyakit, Dr Norhayati Rusli," katanya menerusi Facebook, semalam.

Sementara itu, bercakap dalam



Dr Adham pada sesi sidang video di antara Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN, semalam.

(Foto facebook Dr Adham Baba)

program Selamat Pagi Malaysia semalam, Dr Adham berkata, kepatuhan terhadap tiga perincian utama sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah kunci yang akan menentukan kejayaan negara dalam memerangi pandemik COVID-19.

Tiga perincian berkenaan iaitu duduk di rumah, penjarakan sosial dan penjagaan aspek kebersihan dilihat efektif untuk mengurangkan jangkitan baharu dalam kalangan penduduk.

Beliau berkata, peringkat akhir fasa kedua PKP yang dijadualkan tamat 14 April ini adalah tempoh paling kritis dalam memastikan usaha kerajaan membasmi COVID-19 tidak sia-sia.

"Kerajaan sangat memerlukan kerjasama orang ramai mema-

tuhu sepenuhnya PKP khususnya tiga perkara utama digarisitkan iaitu penjarakan sosial, duduk di rumah dan penjagaan aspek kebersihan.

"Kita dapat melihat bagaimana tiga perincian ini jika dipatuhi sepenuhnya mampu memutuskan rantaian dan meratakan lengkung penyebaran COVID-19," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, rawatan peringkat awal secara komprehensif turut berkesan dalam menurunkan kadar jangkitan baharu COVID-19.

Usaha berterusan pasukan kesihatan negara ini katanya, turut berhasil membantu meningkatkan jumlah pesakit yang dibenarkan keluar hospital.

Setakat tengah hari semalam, bilangan kes sembuh adalah 1,487 daripada keseluruhan kes positif dilaporkan di Malaysia sebanyak 4,119.

Malaysia katanya, memiliki rangkaian pakar dan kemudahan kesihatan yang mencukupi dalam merawat kes COVID-19, namun ia memerlukan kerjasama semua pihak untuk mematuhi PKP sepenuhnya.

"Apa yang penting ialah kawal diri, kita tak mahu ada kes import kerana itu akan menyumbang penyebaran virus dan seterusnya memastikan negara bebas dari COVID-19," katanya.

"Sebab itu PKP dilaksanakan. Kita mahu meratakan lengkung penyebaran virus dan seterusnya memastikan negara bebas dari COVID-19," katanya.

88 peratus kes positif di tahap satu, dua

Putrajaya: Sebanyak 88 peratus pesakit disahkan positif COVID-19 di Malaysia berada pada tahap satu dan dua.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima kenyataan di Facebook berkata, tahap satu adalah kategori pesakit yang positif dijangkiti tetapi tidak bergejala, manakala tahap dua adalah pesakit yang positif dan bergejala ringan.

KKM juga mendapati tujuh peratus lagi berada pada tahap tiga dan empat, iaitu positif dengan radang paru-paru, tetapi tidak memerlukan alat bantuan pernafasan, manakala tahap empat adalah pesakit yang positif dengan radang paru-paru dan memerlukan alat bantuan

pernafasan.

"Lima peratus pada tahap kelima iaitu mengalami sesak nafas dan memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya.

Semalam, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (GPRC) Kementerian Kesihatan, melaporkan 156 kes baharu dilaporkan menjadikan keseluruhan kes kini 4,119, manakala 165 kes yang sembuh menjadikan keseluruhan sembuh 1,487.

Dua kematian lagi dicatatkan semalam, menjadikan keseluruhan kematian kini 65, manakala 76 pesakit kini berada dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.



Petugas barisan hadapan KKM melakukan pemeriksaan ujian saringan kepada penghuni flat Selangor Mansion, kelmarin. (Foto ASWADI ALIAS/BH)

Malaysia sedia terima tawaran WHO jalan kajian vaksin COVID-19

Kuala Lumpur: Malaysia bersedia menerima tawaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menjalankan kajian vaksin COVID-19 atau selain vaksin berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dikenal pasti sebagai antara yang mempunyai penyelidikan berkualiti.

"Kalau ada tawaran daripada WHO, kita bersedia bekerjasama bagi menjalankan kajian bersama iaitu kajian vaksin atau kajian selain daripada vaksin," katanya pada sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, bahawa Afrika tidak akan menjadi lokasi tapak ujian vaksin COVID-19.

Media sebelum ini melaporkan WHO memilih Malaysia untuk menyertai 'Kaji Selidik Solidariti' dalam usaha antarabangsa melaksanakan uji kaji terhadap beberapa ubat bagi merawat jangkitan COVID-19.

Kaji selidik diselaraskan WHO di seluruh dunia itu difahamkan adalah usaha jujung kali dilaksanakan bagi mengumpulkan data dan membandingkan keselamatan serta keberkesanannya empat protokol rawatan.

Ia antara lain merangkumi penggunaan ubat gabungan Remdesivir, Lopinavir, Ritonavir, Interferon beta, Chloroquine dan Hydroxychloroquine.

Ditanya kegusaran segelintir pihak mengenai tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bakal tamat 14 April ini, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sentiasa melakukan pemantauan rapi setiap hari, bagi meneliti perkembangan penularan COVID-19 di negeri dan daerah.

"Setakat ini, kita lihat tiada peningkatan mendadak dalam kes baharu COVID-19 di Malaysia. 'Perang' ini masih berlangsung, tetapi kita belum kalah atau menang."

"Bagaimanapun, yang lebih penting adalah kita pantau secara rapi dan mungkin memerlukan beberapa cadangan lanjut."

"Kementerian melaksanakan sebarang keputusan bersandarkan fakta dan sains, jadi ia bukan berkisar kepada pendapat saya, sebaliknya perlu mengikut asas yang utuh," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya memerlukan sekitar dua hari untuk meneliti laporan data dikumpulkan daripada pelbagai data menerusi model injuran berkaitan.

Pasca penelitian itu, katanya, Kementerian akan mengemukakan beberapa cadangan kepada Kabinet dan Perdana Menteri untuk diperhalusi secara lanjut.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL



Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan proses sanitasi dan saringan Covid-19 terhadap penghuni flat Selangor Mansion dan Malayan Mansion di Masjid India, semalam.

Tinjauan mendapat kira-kira 50 petugas KKM lengkap peralatan perlindungan diri (PPE) mengambil sampel penghuni dan penghuni memberikan kerjasama baik terhadap petugas selain akur kediaman diduduki dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Arahan PKPD itu dilakukan berikutnya terdapat 15 kes positif jangkitan

SEMUA PENGHUNI DISARING

50 petugas KKM dilengkapi PPE buat ujian ke atas penghuni flat Selangor Mansion, Malayan Mansion

Covid-19 di kedua-dua bangunan itu.

Beberapa kenalan penghuni bangunan yang ingin menghantarkan bekalan makanan tidak dibenarkan berbuat demikian oleh pihak berkuasa dan dibenarkan hanya pada waktu tertentu sahaja.

Kawasan berhampiran juga dilihat tiada individu berada di kawasan berhampiran kerana dikawal Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Rela.

Sementara itu, tinjauan di Menara City One pula mendapati petugas KKM menjalankan saringan dari rumah ke rumah bagi mengambil sampel penghuni bermula sejak jam 10 pagi.

Saringan dijalankan didapati berakhir jam 3 petang dengan sejumlah kotak dibawa keluar oleh petugas dipercaya mengandungi sampel penghuni.

Dalam perkembangan sama, sebuah khemah disediakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi kemudahan petugas media

di hadapan Menara City One.

Difahamkan khemah terbabit didirikan oleh petugas KKMM bagi memberi keselesaan petugas media dalam membuat laporan terkini berkenaan PKPD.

Selain khemah, meja dan kerusi juga disediakan hidangan makan tengah hari dan sarung tangan getah.

Pada 31 Mac lalu, kerajaan menguatkuasakan PKPD di Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, Kuala Lumpur yang berkuat kuasa sehingga 13 April depan.



BILIK semburan sanitasi yang disediakan di sekitar Selangor Mansion dan Malayan Mansion untuk anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas mereka melakukan rondaan.



PETUGAS KKM mengambil sampel salah seorang penghuni Selangor Mansion.

Warga asing tanggungjawab kedutaan

Kuala Lumpur:

Kementerian Luar sudah maklumkan kepada pihak kedutaan yang warganya kini menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua bangunan di Jalan Masjid India bermula kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dalam Mesyuarat Kabinet, kementerian sudah diminta berhubung untuk memastikan kedutaan membantu warganya yang kini berada di bangunan

Selangor Mansion dan Malayan Mansion.

Menurutnya, warga asing yang berada di negara ini adalah tanggungjawab sepenuhnya kedutaan masing-masing dari segi kebijakan.

"Bagaimanapun, kerajaan beri alternatif kepada mereka yang tinggal di dua bangunan berkenaan untuk membeli makanan sendiri.

"Petugas barisan hadapan yang diletakkan di bangunan berkenaan akan membantu membelikan barang keperluan tapi mereka perlu

bayar sendiri dan diletakkan di tempat khusus," katanya.

Dua bangunan itu diperintahkan menjalani PKPD bermula kelmarin selepas terdapat 15 individu di lokasi berkenaan dikesan positif Covid-19.

PKPD di dua bangunan itu membabitkan 5,000 hingga 6,000 penghuni di 365 unit kediaman dan premis perniagaan di bangunan itu berkuat kuasa sehingga pengesahan tamat.

Ia terletak dalam jarak 500 meter dari lokasi Plaza City One yang turut dikenakan

PKPD bermula 31 Mac lalu.

Sebelum ini kerajaan mengeluarkan PKPD di tiga kawasan iaitu di Kluang, Johor; Hulu Langat, Selangor dan semua penduduk di kawasan berkenaan tidak dibenarkan keluar manakala bantuan makanan akan disalurkan JKJ serta agensi lain sepanjang tempoh perintah dikuatkuasakan.



PETUGAS KKM memberi minuman kepada rakan setugas yang lehau saat kerja saringan Covid-19 kepada penduduk bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion, semalam.



KAKITANGAN KKM selesai melakukan saringan ke atas penduduk di Menara City One.

KAKITANGAN perubatan kelibutan bersejenjang dan ceria selepas selesai melakukan saringan ke atas penduduk di Menara City One, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL



166 PULIH SEPENUHNYA

Bilangan didiscaj melebihi jumlah kes baharu

Oleh Amir Abd Hamid
dan Raja Noraina Raja
Rahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kes pulih menunjukkan peningkatan semalam iaitu 166 sembah sepenuhnya dan dibenarkan pulang berbanding 156 kes baharu jangkitan virus Covid-19 manakala dua kematian dicatatkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga semalam kumulatif kes pulih adalah 1,487 kes atau 56.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Ini bermakna, bilangan kes didiscaj juga adalah melebihi bilangan kes

baharu yang dilaporkan.
"Sehingga kini, seramai 76 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 45 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita dimaklumkan bawah terdapat pertambahan dua lagi kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesaksianan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC)," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Beliau berkata, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah 65 kes atau 1.58 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Berikut perincian kes kematian semalam:

- Kes kematian ke-64 (kes ke-2,903), perempuan warganegara Malaysia berumur 58 tahun. Mempunyai latar belakang kencing manis dan darah tinggi. Dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 30 Mac dan disahkan meninggal dunia 7 April, jam 3.20 petang.

- Kes kematian ke-65 (kes ke-1,906), lelaki warganegara Pakistan berumur 69 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis. Mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan di Seri Petaling. Dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 22 Mac dan disahkan meninggal dunia 8 April 2020, jam 9.30 pagi.

RINGAN BEBAN OKU

Buka almari rezeki di kafe

Kuala Lumpur: Demi meringankan beban orang kurang upaya (OKU) dan warga emas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penghidap angin ahmar, Raja Iskandar Datuk Raja Mansur mengambil inisiatif menjalankan projek gerobok rezeki di kafe miliknya di Kampung Sungai Penchala, di sini.

Raja Iskandar, 54, berkata, projek bermula seminggu lalu menerusi pengagihan barang keperluan asas serta penutup mulut dan hidung kepada golongan itu tanpa mengira latar belakang kaum maupun agama.

Katanya, projek itu dilaksanakan kerana tempoh PKP yang dilarangkannya sehingga 14 April depan dan buat masa ini khusus untuk OKU serta warga emas di Kampung Sungai Penchala sajá.

"Kebetulan, saya baru membuka kafe seminggu sebelum PKP bermula, tetapi ditutup sementara waktu kerana akur dengan saranan kerajaan untuk tinggal di rumah.



RAJA Iskandar melaksanakan projek gerobok rezeki di kafe miliknya bagi membantu OKU dan warga emas.

"Apabila tempoh PKP dilanjutkan, terdetik di hati untuk membantu OKU dan warga emas di kawasan kejiranan, jadi saya gunakan kafe sebagai tempat untuk meletak dan mengagihkan barang keperluan."

"Mereka yang mahu mengambil barang keperluan itu boleh datang sendiri dengan membawa kad OKU atau menghantar ahli keluarga sebagai wakil dengan menunjukkan gambar kad pengenalan di telefon bimbit," katanya.

Menurutnya, barang keperluan itu dibeli dengan wang sumbangan rakanannya manakala dia bertanggungjawab menguruskannya untuk disampaikan kepada penerima.

Bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan, Raja Iskandar akan meminta bakal penerima menghubunginya terlebih dulu untuk membuat temu janji supaya mereka tidak berkumpul dalam jumlah ramai pada satu-satu masa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Sub kluster di Rembau

Ia berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Sri Petaling bulan lalu

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengesan sub kluster Covid-19 di Rembau, Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sub kluster tersebut melibatkan kakitangan sebuah sekolah yang kemudiannya merebak ke beberapa lokaliti di dalam daerah itu iaitu Pedas, Pilin, Kundur dan Batu Hampar.

"Sub kluster ini berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Sri Petaling bulan lalu," katanya pada sidang akbar di sini semalam.


Beliau berkata, sehingga semalam, terdapat 27 kes positif koronavirus (Covid-19) dikesan di kawasan tersebut

dan dua daripadanya dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

Mengulas lanjut, beliau berkata, sub kluster itu mula dikesan apabila beberapa guru di sebuah sekolah dikesan positif Covid-19.

"Penularan ini diperkayai berpunca daripada satu mesyuarat yang diadakan di sekolah berkenaan yang mana ia telah dihadiri oleh kes indeks ke-448 yang merupakan salah seorang peserta perhimpunan di Sri Petaling," katanya.

Menurutnya, guru dan kakitangan sekolah yang dijangkiti seterusnya menjangkiti ahli keluarga mereka dan penduduk kampung.



Sub Kluster di Rembau, Negeri Sembilan yang dikesan KKM.

"Sehingga kini, sub kluster tersebut telah merebak ke tiga generasi," katanya.

Sementara itu, buat pertama kalinya, KKM merekodkan kes pulih dan dibenarkan pulang melebihi kes baru positif harian.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 166 pesakit Covid-19 telah pulih dan discaj semalam berbanding kes

baru 156 kes.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih ialah 1,487 kes dan 4,119 kes bagi keseluruhan positif," katanya.

Menurutnya, seramai 76 pesakit dirawat di ICU.

Katanya, Pusat Kesihatan-Agaan dan Tindak Cepat Kebangsaan merekodkan dua kes kematian di mana salah seorang merupakan warga asing.

Dr Noor Hisham kecewa masih ada pergerakan

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah melahirkan rasa kecewa apabila terdapat aktiviti pergerakan yang tidak dibenarkan masih berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dilaksanakan.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius keputusan rakyat terhadap nasihat yang telah dikeluarkan.

"Selain kenderaan di jalan raya juga bertambah, KKM mendapati ada yang berkunjung ke rumah saudara-mara yang tidak sihat termasuk mereka yang sedang menjalani pengawasan di rumah," katanya di sini semalam.

Mengambil contoh kes kematian ke-64 melibatkan wanita berumur 58 tahun yang rawat di hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, beliau berkata, KKM mendapati wanita berkenaan dan beberapa individu telah meneruskan perjalanan ke dua negeri meskipun PKP telah dilaksanakan.

"Mengambil kira situasi semasa ini, KKM menggesa orang ramai supaya kekal patuh kepada PKP bagi memutuskan rantai jangkitan Covid-19," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kluang yang berakhir hari ini mencapai matlamat ditetapkan KKM.

"Hari ini (semalam) empat kes positif baharu dikesan dengan jumlah 134 kes di sana," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KLIK TELEKONFERENSI | Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba (dua dari kiri) mengadakan sesi perbincangan menerusi telekonferensi di antara Menteri-Kesihatan ASEAN yang bertujuan meningkatkan kerjasama memerangi pandemik koronavirus (Covid-19) di negara masing-masing. Antara agenda utama perbincangan tersebut adalah perkongsian mengenai perkembangan semasa Covid-19 di setiap negara dan usaha menangani penularannya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

REPORTS BY: Adib Povera, Nuradzimmah Daim, Audrey Dermawan, Veena Babul, Dawn Chan, Arfa Yunus, Hana Naz Harun, Nor Ain Mohamed Radhi, Kalbana Perimbangayagam, Esther Landau, Teoh Pei Ying, Teh Athira Yusof, Khairah N. Karim, Rahmat Khairelrijal, Azdee Amir, Meera Murugesan, Hanna Hussein, Nur Zarina Othman, T.N. Alagesh, Avita Geraldine, Olivia Miwit, Zahratuthayat Mat Arif, Mohamed Bashir and Farah Solhi

UP TO 3 GENERATIONS

NEW COVID-19 SUB-CLUSTER IN REMBAU

27 people test positive in outbreak, believed to have originated from a meeting attended by tabligh participant

PUTRAJAYA

A NEW Covid-19 sub-cluster has been detected in Rembau, Negeri Sembilan, after 27 people there tested positive for the virus.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the sub-cluster, related to the Sri Petaling tabligh gathering in Kuala Lumpur, involved a staff member of a school in Rembau and also several localities in the area, including Pedas, Pilin, Kundur and Batu Hampar.

Two of the 27 people were being treated in Intensive Care Units (ICUs).

Dr Noor Hisham said the cluster was detected after the test results for several teachers at a school came back positive.

The outbreak, he added, was believed to have originated from a meeting held in a school attended by an index case (Case 448), a participant in the religious gathering held from Feb 28 to March 1.

"The teachers and school staff who were infected then infected their family members and villagers, until there were three generations of infections," he said yesterday.

He said investigations found that people had visited homes of relatives who were sick despite the Movement Control Order (MCO).

He said the public must be re-

sponsible and play their part in the fight against Covid-19, including adhering to the MCO.

"This is very important so we can break the chain of transmission."

He said many people had broken the MCO by visiting relatives, including those who were ill and undergoing home or self-quarantine.

"Case 64, for example, he and others made a trip outside of his area, despite the MCO, which was implemented on March 18.

"The number of vehicles on roads is also increasing. The ministry is concerned that the community's defiance will spread the infection."

He said Malaysia had recorded more recoveries than new cases for the second time this week.

He said 166 people had been discharged, and 156 new cases were recorded up to noon yesterday.

On Monday, 236 patients were discharged while 131 new cases were recorded.

The total number of recoveries is 1,487, or 36.1 per cent. The cumulative number of infections is 4,119.

Of the total, he said, 76 patients were in the ICU, with 45 of them needing breathing support.

The Crisis Preparedness Response Centre, he added, had recorded two deaths.

"The cumulative number of deaths is 65, or 1.58 per cent of the total number of cases."

He said the country's 64th death, Case 2,903, was a Malaysian woman, 58, with a history of diabetes and hypertension.

She was admitted to Tuanku Ja'afar Hospital in Negeri Sembilan on March 30, and was declared dead on Tuesday at 3.20pm.

The 65th death, he said, was a 69-year-old Pakistani man.

"He attended the Sri Petaling



Health Ministry staff giving drinks to their colleagues, who are testing residents of Selangor Mansion and Malayan Mansion for Covid-19 in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASYRAF HAMZAH

tabligh gathering. The man was admitted to Kuala Lumpur Hospital on March 22, and died on April 8 at 9.30am."

According to the data, 60 per cent of the 65 deaths were among those aged 60 and above, he added.

The tabligh cluster accounted for 30 per cent of the deaths.

Most of the deaths, or 75 per cent, however, were among people who suffered from comorbidities, such as diabetes, cardiovascular disease and hypertension, he added.

"So the number is quite high for comorbidities. Their symptoms are worse than those with no comorbid issues."

In his daily press conference, Dr Noor Hisham said that although there was no exponential rise in the number of cases dur-

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION



ing the MCO, the government was closely monitoring the data before deciding if the MCO should be extended beyond April 14.

Warning that Malaysia's war against the virus was not over, he said the ministry was conducting its own modelling on case projections.

"We are monitoring very closely every day in terms of the increase of cases and its distribution in the states and districts."

"As far as we are concerned, there is no exponential growth. We have not won the war, but neither have we lost the war."

He added that the ministry had seen initial reports, but would need "a day or two" to analyse the data.

"With the data, the ministry will submit a proposal to the cabinet and the prime minister. The decision (to extend the MCO) lies with the cabinet".

The second phase of the MCO, which began on April 1, is slated to end on April 14.

88pc of patients in first 2 stages of infection

PUTRAJAYA: Eighty-eight per cent of Covid-19 patients nationwide are in stages one and two of the infection, said the Health Ministry.

The ministry's Facebook account said that in stage one, patients were positive but not symptomatic, while stage two comprised patients who were positive and mildly symptomatic.

The ministry found that seven per cent of patients were in stages three and four.

Stage three comprised patients who are positive but do not require breathing aid, while stage four comprises patients who have pneumonia and require breathing aid.

"Five per cent of patients are in stage five. They suffer from shortness of breath and need breathing aid."



A woman buying face masks in a pharmacy in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

Health DG: The war is far from over

'We have yet to win or lose'

By JOSEPH KAOS Jr
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: While the movement control order (MCO) has somewhat prevented a surge of Covid-19 cases, the Health Ministry warns that the war against the disease is far from over.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the government was still closely monitoring the infection before deciding whether the MCO should be extended beyond April 14.

"We are monitoring very closely in terms of the increase of positive cases, and its distribution in districts and states.

"As far as we are concerned, there's no exponential growth as seen."

"We have not won the war yet, but neither have we lost it," he said at the ministry's daily Covid-19 press conference here yesterday.

When asked on his views on the possible extension of the MCO, Dr Noor Hisham said scientific data was more important than people's opinion in such matters.

"The Health Ministry operates based on fact and science. It is not about my opinion."

"We are doing our own modelling in terms of case projection. We have seen the initial reports but we still need a day or two to analyse the data."

"With the data we have in hand, the ministry will submit a proposal to the Cabinet and the Prime Minister. The decision lies with the Cabinet," said Dr Noor Hisham.

The country is currently in its second phase of the MCO, after the

initial one from March 18-31.

Yesterday, Dr Noor Hisham announced 156 more new Covid-19 cases in Malaysia, taking the country's tally to 4,119.

However, Malaysia recorded more recoveries than new infections yesterday, with 166 patients discharged as of noon.

In total, 1,487 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia since the outbreak began in January.

He also reported two new deaths, which brings the death toll in Malaysia to 65.

One of the victims was a 58-year-old Malaysian woman who was treated at the Tuanku Ja'afar Hospital in Seremban.

She had a history of diabetes and high blood pressure.

The other fatality was a Pakistani man aged 69, who attended the tabligh gathering at Masjid Jamek Sri Petaling.

Dr Noor Hisham said about three-quarters of the 65 Covid-19 deaths here were associated with those having comorbidities.

Comorbidity means more than one disease or condition is present in the same person at the same time.

In terms of comorbidities such as diabetes, hypertension, ischaemic heart disease or cardiovascular disease, the percentage (of death cases) is about 75%.

"The symptoms would be worse compared to a person who does not have comorbidities," said Dr Noor Hisham, adding that 60% of the deaths seen here so far were of patients aged 60 years and above.

He said about 30% of the deaths were linked to the Sri Petaling cluster.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

New Covid-19 sub-cluster infections traced in Rembau

PETALING JAYA: Two deaths and 156 new Covid-19 cases were reported yesterday, bringing the death toll to 65 and the cumulative total number of infected patients to 4,119.

Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the only silver lining is that the number of patients admitted was lower than those discharged, with 166 discharged.

He said 76 people were being treated in intensive care units while 45 patients required ventilators.

Noor Hisham said one of the deaths involved a Pakistani national who had attended the Sri Petaling tabligh gathering.

"We also discovered a new sub-cluster in Rembau that is related to the Sri Petaling gathering.

"It involves a group of people working at a school and a few other locations in Rembau (Pedas, Pilin, Kundur and Batu Hampar).

"As of yesterday, 27 people had contracted the Covid-19 virus and two people were in ICU," he said at a press conference.

Noor Hisham said they found this new sub-cluster after several teachers in a school tested positive for the virus.

He said the virus spread to others after a case index patient (patient 448), who attended the Sri Petaling gathering, was at a meeting in the school.